

30 MAY 1998

Abdullah-Iraq

MALAYSIA SOKONG SEKATAN TERHADAP IRAQ DITARIK BALIK

KUALA LUMPUR, 30 Mei (Bernama) -- Malaysia hari ini menjanjikan sokongan padu terhadap sebarang usaha untuk membolehkan sekatan yang dikenakan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) terhadap Iraq ditarik balik.

Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata: "Kita berpendapat fail mengenai Iraq sudah patut ditutup. Sudah tujuh tahun lamanya sekatan dibuat dan nampaknya alasan-alasan yang mengatakan bahawa Iraq masih menyembunyikan bukti-bukti telah tidak ada lagi."

Beliau berkata siasatan selama tujuh tahun oleh Suruhanjaya Khas PBB (UNSCOM) mengenai pelucutan senjata Iraq juga gagal membuktikan kepada Majlis Keselamatan PBB bahawa negara itu menyembunyikan senjata berbahaya.

"Kalau ada benda yang disembunyikan tentu sudah dapat dibuktikan hari ini," katanya kepada pemberita selepas pertemuan hampir sejam dengan wakil khas Presiden Iraq Saddam Hussein, Dr Saadoun Hammadi di sini.

Katanya kedatangan Dr Hammadi yang juga speaker Dewan Undangan Iraq ke sini bertujuan mengatur pertemuan rasmi antara Saddam dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Bagaimanapun katanya tujuan pertemuan kedua-dua pemimpin itu hanya akan diberitahu Isnin ini.

Wakil Iraq itu turut meminta Malaysia dan negara-negara sahabat yang lain memahami rasa tidak puas hati negara itu berhubung laporan yang dikemukakan UNSCOM pada mesyuarat Majlis Keselamatan PBB baru-baru ini.

Abdullah berkata beliau juga memberi jaminan kepada Dr Hammadi bahawa Malaysia akan meneruskan hubungan dua hala yang wujud antara kedua-dua negara.

"Kita telah menyatakan pada beliau apa-apa kegiatan dua hala sama ada yang berkaitan dengan perdagangan dan sebagainya terutama yang ada hubung kait dengan pembekalan dan penghasilan barang berkaitan ubat dan barang makanan yang diperlukan, ini satu bidang yang boleh kita bantu," katanya.

-- BERNAMA

NM RHM RON